

Menteri sangkal dakwaan negara muflis pada 2017 ^{SH}_{7/9}

SABAK BERNAM - Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani menolak dakwaan bahawa negara bakal muflis tahun depan seperti yang tersebar di media sosial.

Beliau berkata, dakwaan berkenaan ditulis berdasarkan fakta yang direka dan tindakan itu amat tidak bertanggungjawab.

"Rakyat tidak perlu terpengaruh dengan berita yang tidak sah ini, mana mungkin negara muflis hanya kerana sebuah syarikat kerajaan mengalami masalah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Sabak Bernam, semalam.

Johari berkata, penyebaran berita berkenaan sama seperti dakwaan kononnya Lembaga Tabung Haji (TH) mengalami masalah kewangan sebelum ini, namun berita itu tidak benar.

"Orang ramai yang percaya dengan berita itu ada yang bertindak mengeluarkan duit mereka," katanya. - *Bernama*